

# BAB V

## BAB V

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

#### 5.1 KESIMPULAN

Dalam bab lima ini penulis akan membuat kesimpulan dan cadangan terhadap kajian yang telah dilaksanakan di bawah tajuk: Peranan KEMAS Dalam Pendidikan Islam: Suatu Kajian di Kota Bharu Kelantan, seperti yang telah dibincangkan dalam bab-bab yang terdahulu. Menerusi kajian yang telah dilakukan ini penulis akan membuat kesimpulan seperti berikut:

5.1.1 Jabatan Kemajuan Masyarakat ( KEMAS ) merupakan salah satu agensi kerajaan yang telah melaksanakan program Pendidikan Islam kepada masyarakat khususnya di negeri Kelantan.

5.1.2 Program Pendidikan Islam boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu

- i. Program Bina Insan
- ii. Pendidikan Islam di TABIKA KEMAS

5.1.3 Program Bina Insan

- a. Program ini merupakan pendidikan non-formal yang melibatkan golongan dewasa dan juga kanak-kanak. Namun begitu tumpuan lebih diberikan kepada golongan dewasa untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan mereka dalam pendidikan Islam. Majoriti yang mengikuti kelas adalah

golongan wanita dan penyertaan dari golongan lelaki adalah kurang.

- b. Pembelajaran pendidikan Islam di peringkat ini meliputi kelas Tarbiah Al-Qur'ān, Fardu Ain dan Fardu Kifayah, Tarannum Al-Qur'ān, Pengurusan Jenazah, Khatam Al-Qur'ān, Nasyyid dan Qasidah dan Marhaban dan Rawi.
- c. Sukatan pelajaran yang diajar telah disediakan oleh pihak Kementerian dan buku panduan diberikan kepada setiap PM. Nota tambahan yang dihasilkan oleh pengerusi panitia khususnya dalam program Tarbiah Al-Qur'ān turut diberi kepada para peserta untuk memudahkan mereka memahami pelajaran yang diajar.
- d. Setiap PM perlu mengajar lebih daripada satu kelas dan mereka mempunyai jadual mereka yang tersendiri mengikut masa dan tempat yang sesuai.
- e. Kelas BI biasanya diadakan di masjid, surau dan rumah orang perseorangan.
- f. Para peserta yang mengikuti kelas ini mendapat pelbagai ilmu pengetahuan tidak terhad kepada fardu ain sahaja malah mereka boleh mempelajari bacaan al-Qur'ān dengan betul dan pelbagai program lain.
- g. Kelas yang diadakan ini merupakan kelas yang amat baik khususnya untuk golongan dewasa yang mempunyai banyak

masa terluang dan ingin memperbaiki bacaan al-Qur'an dan juga ibadat mereka.

- h. Golongan muda juga boleh mempertingkatkan ilmu mereka di kelas-kelas seperti ini tidak terhad dengan apa yang mereka belajar di sekolah.

#### 5.1.4 Pendidikan Islam di TABIKA

- a. KEMAS melaksanakan program di TABIKA untuk kanak-kanak prasekolah yang berumur 4 hingga 6 tahun.
- b. Dalam kurikulum pendidikan di TABIKA diperuntukan subjek Pendidikan Islam untuk memberi asas agama kepada kanak-kanak tersebut.
- c. Di bawah subjek pendidikan Islam ini kanak-kanak diajar asas Ulum Syar'iyah, Jawi, Bahasa Arab dan Tilawah Al-Qur'an.
- d. KEMAS di negeri Kelantan memperkenalkan pelajaran Celik Al-Qur'an dengan kaedah bacaan Qiraati untuk meningkatkan pembelajaran al-Qur'an di kalangan kanak-kanak.
- e. Menerusi pembelajaran di TABIKA ini kanak-kanak telah mendapat pendedahan awal tentang pendidikan Islam dan ia menjadi asas kepada mereka ketika belajar di sekolah nanti.

## 5.2 CADANGAN

Menerusi kajian ini penulis mendapat maklumat yang berguna berkenaan KEMAS dan pendidikan Islam serta program-program yang telah dijalankan. Banyak manfaat yang boleh diterima oleh para peserta yang mengikuti program yang dianjurkan oleh KEMAS ini. Di sini penulis ingin membuat cadangan berhubung kajian yang telah dilakukan. Cadangan ini difokuskan kepada :

1. Masyarakat dan para peserta
2. Jabatan Kemajuan Masyarakat ( KEMAS )

### 5.2.1 Cadangan Kepada Para Peserta Bina Insan

- a. Penubuhan KEMAS adalah untuk memajukan masyarakat dari aspek ekonomi dan juga kerohanian, maka gunakanlah peluang ini untuk menyertai setiap program yang dianjurkan oleh KEMAS khususnya dalam pendidikan Islam.
- b. Sesetengah masyarakat yang tidak mahu mengikuti program seperti ini yang berpendapat ia berunsur politik perlu membuang sangkaan seperti itu dalam diri mereka.
- c. Para peserta perlu menggunakan kemudahan yang diberikan oleh KEMAS untuk mempertingkatkan lagi ilmu mereka dengan mengikuti program yang dianjurkan oleh KEMAS.
- d. Para peserta Bina Insan perlu mendalami ilmu yang mereka pelajari dan mempraktikkannya dengan sebaik mungkin dan dalam masa yang sama menunjukkan teladan yang baik kepada masyarakat setempat. Ini boleh

menggalakkan lagi orang ramai menyertai program yang dianjurkan oleh pihak KEMAS apabila mereka melihat kesan yang baik diperolehi daripada program yang telah dianjurkan.

#### 5.2.2 Cadangan Kepada Ibu Bapa Kanak-Kanak di TABIKA

- a. Ibu bapa perlu menggalakkan lagi kanak-kanak mempelajari al-Qur'an bukan sahaja ketika menghadiri kelas malah mereka perlu dididik untuk rajin membacanya di rumah.
- b. Ibu bapa tidak boleh menyerahkan tugas untuk mengajar al-Qur'an kepada para guru, malah mereka sendiri sepatutnya prihatin mengajar anak-anak membaca al-Qur'an.
- c. Pembelajaran al-Qur'an perlu diberi perhatian pada peringkat awal kanak-kanak lagi agar kanak-kanak mudah mempelajarinya dan tidak menimbulkan masalah apabila mereka besar nanti.
- d. Ibu bapa perlu memantau pembelajaran anak-anak di rumah supaya mereka mudah menerima pembelajaran di kelas TABIKA.
- e. Ibu bapa perlu memberi perhatian yang lebih sekiranya anak-anak mereka lemah dalam pembelajaran agar mereka rajin berusaha untuk memajukan diri mereka di peringkat awal lagi.

#### 5.2.3 Cadangan Kepada Pihak KEMAS

- a. Pihak KEMAS perlu mempertingkatkan lagi program Bina Insan yang diadakan agar ia menarik minat lebih ramai masyarakat menyertainya.

- b. Pihak KEMAS perlu bersikap professional semasa menjalankan tugas dan tidak menunjukkan sokongan pada mana-mana parti politik.
- c. Kakitangan KEMAS perlu menunjukkan sikap dan teladan yang baik sekiranya mereka mahu masyarakat menyertai dan menyambut baik setiap program yang diadakan.
- d. Pihak kementerian perlu memberi lebih banyak kemudahan terhadap kelas BI khususnya yang tidak mempunyai tempat khas untuk mengadakan kelas tersebut.
- e. Pihak KEMAS perlu prihatin terhadap kekurangan yang ada khususnya alat bantu mengajar agar ia mencukupi bagi kelas-kelas BI.
- f. Penyelia Bina Insan bagi setiap kawasan perlu memantau perjalanan kelas BI agar mereka mengetahui sebarang permasalahan yang dihadapi oleh para peserta BI.
- g. Pihak pengurusan KEMAS perlu memberi lebih banyak kemudahan teknologi maklumat kepada para Pemaju Masyarakat agar mereka dapat mengajar para peserta dengan lebih berkesan lagi.

### 5.3 RUMUSAN

Semua kesimpulan dan cadangan yang telah diberikan adalah manifestasi daripada kajian yang telah penulis lakukan dalam disertasi ini. Ianya meliputi tajuk dan kandungan yang telah dipilih oleh penulis. Kajian yang dibuat adalah berkenaan peranan KEMAS dalam pendidikan Islam khususnya di Kota Bharu Kelantan. Daripada kajian ini penulis mendapat pelbagai maklumat yang boleh dijadikan pedoman, iktibar dan menambah ilmu pengetahuan, malah turut mendidik jiwa agar

menjadi seorang anggota masyarakat yang boleh memberi sumbangan kepada agama, bangsa dan negara.

Akhir sekali penulis berharap agar hasil kajian ini akan memberi maklumat dan manfaat yang berguna kepada pembaca serta berfikir untuk memberi sumbangan yang besar dalam memajukan masyarakat dan negara.